

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

13 February 2016

Henti sebar khabar angin Tabung Haji

Um- 13/2/2016



Disebabkan pelbagai kenyataan yang amat tidak bertanggungjawab terhadap Tabung Haji, sekiranya ada umat Islam yang bertindak mengeluarkan simpanan mereka kini tidak dapat lagi menikmati pulangan pelaburan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
rodelio.taucan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 FEB.

PENYEBARAN khabar angin terhadap Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) oleh setengah pihak atas kepentingan politik telah merugikan umat Islam yang terpengaruh dengannya sehingga bertindak mengeluarkan pelaburan di dalam institusi Islam itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tindakan tersebut bukan sahaja menyebabkan mereka tidak mendapat pulangan pelaburan, malah

ada yang kehilangan giliran untuk menunaikan haji walaupun telah menunggu sejak sekian lama.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak agar tidak terus mempengaruhi rakyat dan berhenti daripada perbuatan berniat politik dengan mempermainkan serta mencetuskan kebencian rakyat terhadap institusi itu.

"Disebabkan pelbagai kenyataan yang amat tidak bertanggungjawab terhadap Tabung Haji, sekiranya ada umat Islam yang bertindak mengeluarkan simpanan mereka kini tidak dapat lagi menikmati pulangan pelaburan.

"Ada yang telah menyimpan lama di dalam Tabung Haji, sudah

menghampiri umur senja, tetapi dek termakan kenyataan berbelit-belit, hilang giliran menunaikan haji mereka. Bukankah teramat rugi dan sayang sekali," katanya dalam laman blog beliau di www.najibrazak.com hari ini.

Perdana Menteri berkata, penubuhan Tabung Haji pada tahun 1963 merupakan pelaburan dana Islam yang membolehkan umat Islam di Malaysia menyimpan serta melabur wang simpanan itu secara halal dan berteraskan syariat Islam.

Katanya, penubuhannya turut bertujuan membolehkan sebanyak mungkin umat Islam menunaikan haji di Mekah melalui subsidi yang disediakan Tabung Haji bagi yang pergi buat pertama kali.

Menurut Najib, hasil hubungan diplomatik antara Malaysia dengan kerajaan Arab Saudi, jumlah kuota haji Malaysia telah ditingkatkan sebanyak 2,100 jemaah dan secara keseluruhannya sebanyak 22,320 jemaah berjaya menunaikan ibadah itu tahun lalu.

"Setiap kali lawatan saya ke Arab Saudi, mereka sering memuji pengurusan haji yang cemerlang oleh Malaysia dan juga sahsiah diri jemaah haji Malaysia yang sangat berdisiplin dalam beribadah dan menunaikan kewajipan kepada Allah SWT.

"Bukankah teramat rugi dan sayang sekali, seandainya semua kerja keras, hubungan baik, pengiktirafan serta kelebihan menunaikan ibadah yang kita terima ini sia-sia akibat kenyataan tidak bertanggungjawab yang disebarkan oleh ahli politik dan pengguna media sosial?" soalnya.



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan pegawai kanan kedutaan Malaysia ketika tiba di hotel penginapan, semalam. Perdana Menteri dalam rangka lawatan kerja tujuh hari ke Los Angeles, Sunnylands dan San Francisco di Amerika Syarikat (AS) hingga 17 Februari ini. - BERNAMA